

Penilaian risiko 15 kawasan lemas

SINAR ONLINE | 19 November 2019



Kok Seong merasmikan Kempen Keselamatan Kesedaran Di Air di Seremban.

SEREMBAN - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah menjalankan penilaian risiko di 15 kawasan panas sering berlaku kejadian lemas di seluruh negara.

Ketua Cawangan Program Keselamatan dan Kesedaran Awam, Bahagian Keselamatan dan Kebakaran JBPM, Nik Zulkifli Ibrahim berkata, penilaian tersebut meliputi kawasan pantai, air terjun, tasik dan lombong.

Katanya, sebuah lombong di Puchong yang mengorbankan enam anggota bomba semasa melakukan kerja-kerja menyelamatkan tahun lalu turut diberi perhatian bagi memastikan ia tidak berulang.

"Penilaian penting bagi membolehkan pihak bomba mengeluarkan amaran keselamatan sekaligus memasang papan tanda keselamatan kedua yang lebih terperinci untuk pemahaman orang awam mengenai bahaya di sesuatu kawasan.

"Pihak bomba sedang menjalankan penilaian risiko di 15 kawasan air di seluruh negara antara di Kelantan Terengganu, Selangor, Pulau Pinang, Pahang dan Sabah yang dikenal pasti berbahaya serta boleh meragut nyawa.

"Hasil penilaian nanti pihak berkuasa tempatan (PBT) akan memasang papan tanda kedua yang memaparkan dengan jelas butiran bahaya dan risiko di sesuatu kawasan bermula awal tahun hadapan," katanya di sini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Kempen Kesedaran Keselamatan Aktiviti di Air 2019.